

Headline	Kekal peneraju sukuk global		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 May 2014	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	825,000
Page No	42	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	276 cm ²
Journalist	Sri Ayu Kartika Amri	AdValue	RM 10,703
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,109



Kekal peneraju sukuk global

■ Catat jumlah terbitan RM272 bilion pada 2013

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
Kartika@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Malaysia terus menjadi peneraju utama dalam penerbitan sukuk apabila mencatatkan jumlah terbitan AS\$82.4 bilion (RM272.74 bilion) pada 2013.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, jumlah itu juga mewakili 69 peratus daripada keseluruhan terbitan sukuk global.

Katanya, selain itu saiz pasaran sukuk di Malaysia juga yang terbesar di dunia apabila jumlah terbitan sukuk sedia ada pada 2013 AS\$158.2 billion (RM523.64 billion) atau 59 peratus daripada jumlah sukuk tertunggak di peringkat global.

"Apabila membicarakan soal kewangan Islam, Malaysia sinonim dengannya. Apa tidaknya, negara ini perintis dalam arus pembangunan perbankan Islam sejak tahun 1980-an lagi apabila Bank Islam Malaysia Berhad ditubuhkan.

"Rentetan daripada sejarah itu, kewangan Islam mengalami beberapa perubahan di samping kitaran ekonomi kian mencabar. Bermula sebagai produk perbankan pengguna alternatif kepada pelanggan beragama Islam, kini ia menjadi produk inovasi bagi rakyat Malaysia tidak mengira agama dan bangsa," katanya kepada Bisnes Metro, di sini.

Menurutnya, selain itu, pertumbuhan pasaran modal yang begitu pesat juga menyaksikan penerbitan sekuriti hutang sukuk berkembang maju.

Mohd Afzanizam berkata, berdasarkan statistik terkini, pembiayaan melalui konsep musyarakah dan mudharabah pada Februari 2014 pada tahap 6.1 peratus daripada jumlah perbankan Islam di Malaysia apabila konsep pembiayaan ini mengutamakan unsur perkongian risiko di dalam pelaksanaan kontrak pembiayaan.

Beliau berkata, selebihnya, konsep pembiayaan banyak dipelopori bai bithaman ajil, ijara thumma al bai dan mu-


rabahah masing-masing mewakili 29.2 peratus, 22.3 peratus dan 20.4 peratus daripada jumlah pembiayaan perbankan Islam setakat Februari tahun ini.

"Ini menunjukkan sistem perbankan Islam pada masa kini masih lagi didominasi konsep antara peminjam dan pemberi pinjaman.

"Konsep ini amat ketara kerana Malaysia mengamalkan dua sistem perbankan yang wujud secara seiringan iaitu sistem konvensional serta perbankan Islam. Justeru, pengguna sering membuat perbandingan dari segi kos pembiayaan, kualiti perkhidmatan serta inovasi produk perbankan," katanya.

Headline	Kekal peneraju sukuk global		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 May 2014	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	825,000
Page No	42	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	276 cm ²
Journalist	Sri Ayu Kartika Amri	AdValue	RM 10,703
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,109

JUMLAH SUKUK TERTUNGGAK PADA 2013



Sumber: Bank Negara Malaysia (BNM) & Malaysia Islamic Financial Center (MIFC)